

Permohonan batal afidavit Mirzan 9 Jun

BH 24 MAY 2000

KUALA LUMPUR. Selasa – Mahkamah Tinggi di sini hari ini, menetapkan 9 Jun depan untuk mendengar permohonan Star Papyrus Printing Sdn Bhd untuk membatalkan afidavit Mirzan Mahathir.

Penolong Kanan Pendaf-tar, Norliza Othman mem-buat keputusan itu selepas mendengar sebutan kes ber-kenaan. Peguam bela Mirzan, Datuk V K Lingam dan pe-guam bela Star Papyrus, Bhag Singh hadir ketika pe-netapan tarikh itu.

Star Papyrus mengemuka-kan permohonan membatalkan afidavit Mirzan yang akan digunakan untuk menyokong penohonannya membatalkan pernyataan pembelaan syarikat percetakan itu.

Sehubungan itu, Norliza menetapkan 13 Jun ini untuk mendengar permohonan Mir-zan membatalkan pernyataan pembelaan Star Papyrus.

Mirzan mengemukakan saman malu terhadap defen-dan dan menuntut ganti rugi sebanyak RM 150 juta.

Dalam pernyataan tuntutan-nya, Mirzan mendakwa arti-kel itu memlitnahnya dengan membawa maksud beliau membina empayar perni-aannya bukan atas kemam-puannya tetapi mendapat fa-edah daripada keistimewaan, nepotism dan pilih kasih.

Sehubungan itu, katanya, perasaan dan nama baiknya dalam bidang pemiagaan ter-jejas serta tercemar.

Katanya, artikel itu mem-beri gambaran beliau men-jalankan perniagaan secara cuai, tetapi selamat kerana menyalahgunakan kedudu-kannya sebagai anak Perda-na Menteri serta diselamat-kan oleh kerajaan atas penga-ruh bapanya.

Dalam pernyataan pembe-laannya, defendan menafikan artikel yang disiarkan akhbar *Asian Wall Street Journal* (ASWJ) memtitnah Mirzan.

AWSJ dalam keluaran 4 Januari 1999 menyiarkan arti-kel bertajuk *Mahathir's el-dest son limits ambitions* (Cita-cita terhad anak sulung Mahathir) yang ditulis oleh G Bruce Knecht.

Star Papyrus mendakwa syarikat itu menyediakan se-buah bilik bagi menempat-kan peralatan milik Dow Jones Publishing Company (Asia) Inc. untuk menerima negatif cetakan isi kandu-ngan AWSJ daripada Dow Jones Hong Kong menerusi isyarat elektronik.

Defendan mendakwa, pi-haknya juga menyediakan kakitangan untuk mengenda-likan peralatan; kertas bagi mencetak berita; pembuatan plet dan pembungkusan akh-

bar AWSJ.

Sehubungan itu, defendan menafikan ia mencabit dan memberi kuasa bagi pener-bitan akhbar berkenaan.

Selain menafikan artikel itu memfitnah Mirzan, defen-dan mendakwa anak Perda-na Menteri itu memberi ke-benaran kepada Knecht un-tuk menemubualnya pada 2 Disember 1998 di pejabat-nya di Malaysia.

Defendan mendakwa, wa-laupunia tidak wajib un-tuk memberitahu pembelaan. sebagai langkah berwaspada ia akan menyertakan butiran itu.

Dalam jawapan kepada pembelaan itu, Mirzan mendakwa beliau mempunyai hak untuk memfailkan per-mohonan bagi membatalkan beberapa perenggan pembe-laan IO dengan alasan ia ti-dak mendedahkan sebarang pembelaan munasabah.

Mirzan menafikan beliau memberi persetujuan untuk memberi temu bual kepada Knecht dan mengambil risiko penerbitan artikel itu yang diedar secara meluas.

Menurutnya, Knecht tidak pernah meniberitahunya se-belum atau selepas temu bual itu untuk menulis artikel mengenainya secara perihadi dan hubungannya dengan Perdana Menteri.